

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AIDA ROZLIA BINTI ABDUL LATIFF  
ETA JUHAIDA BINTI YUSOFF  
NOOR DARIZAH BINTI DAHLAN  
NOR IZATI BINTI ISMAIL  
ROSZIANA BINTI MOHD RAZALI**

41/60

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**ENCIK MOHD ZAIN  
PENSYARAH ETR 300  
ASAS KEUSAHAWANAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS INDERA KAYANGAN**

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS INDERA KAYANGAN**

**26 SEPTEMBER, 1998.**

**ISI KANDUNGAN**

<b><u>BIL.</u></b>	<b><u>TAJUK</u></b>	<b><u>HALAMAN</u></b>
1.	SURAT PENGESAHAN	i
2.	SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	ii
3.	SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	iii
4.	SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG	1
5.	PENGHARGAAN	3
6.	LOGO SYARIKAT	6
7.	Pengenalan	9
8.	TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	10
9.	LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	12
10.	LATAR BELAKANG PERKONGSIAN	17
11.	NAMA & ALAMAT PEMEGANG SAHAM	18
12.	LOKASI TAPAK PROJEK	21
13.	SINOPSIS	23
14.	PENTADBIRAN	26
15.	PEMASARAN	44
16.	OPERASI	61
17.	KEWANGAN	80
18.	LAMPIRAN	97

## PENGENALAN

**D**asawarsa ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat sejajar dengan wawasan negara iaitu menuju era 2020. Tidak dapat dinafikan lagi buat masa sekarang negara memang menghadapi masalah kegawatan ekonomi ekoran kejatuhan nilai ringgit negara, namun begitu Malaysia masih mampu meneruskan identitinya tanpa berputus asas ditambah pula dengan barisan pemimpinnya yang cekap dalam mengawal keadaan serta disokong oleh rakyatnya yang begitu prihatin tentang masalah ini dengan sama-sama turut membantu negara mengekalkan kebanggaan yang sedia ada sebelum ini. Oleh yang demikian, dengan penuh yakin dan tekad, kami berlima menubuhkan **MEDITEX GLOVE** bersesuaian dengan dasar kerajaan terbaru dalam mencapai *Dasar Kependudukan 70 juta* pada tahun 2000 kelak. Dari usaha-usaha pemulihan ekonomi yang telah dijalankan oleh kerajaan sedikit sebanyak telah menampakkan kesan yang positif dan kami yakin bahawa keadaan ekonomi akan kembali pulih menjelang tahun di mana syarikat kami akan mula beroperasi. Apabila keadaan menjadi seperti apa yang telah kami jangkakan maka ini akan turut mempengaruhi perjalanan syarikat kami mencapai objektif di samping memenuhi permintaan semasa pelanggan.

**P**erniagaan kami merupakan sebuah perniagaan perkonhsian yang terdapat di Malaysia. Kami telah memilih perniagaan jenis ini kerana entiti perniagaan yang terpisah daripada pemilik serta liabiliti yang terhad kepada jumlah yang dilaburkan sahaja. Selain daripada itu, ia tidak akan memberi kesan serta mempengaruhi perjalanan perniagaan sekiranya berlaku sebarang pengunduran ahli-ahli jawatankuasa tertinggi. Ini menyebabkan jangka hayat perniagaan adalah lebih panjang.

**MEDITEX GLOVE** terletak di kawasan perindustrian *Mergong, Alor Setar, Kedah*. Kawasan tersebut menjadi lokasi pilihan kami kerana ia merupakan pusat bagi segala aktiviti perindustrian yang terdapat di negeri tersebut. Selain dari itu juga, kawasan tersebut juga telah disediakan oleh kerajaan dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti air, elektrik dan jaringan sistem perhubungan yang baik serta berhampiran pula dengan pusat bandar.

**P**erniagaan ini telah pun dipersetujui untuk beroperasi sepenuhnya pada *1 Januari, 2000* dan perasmiannya akan dilakukan oleh *Menteri Besar Kedah*. Perasmian juga akan dijalankan di tapak perindustrian kami sendiri iaitu di *Mergong* dan ini merupakan salah satu strategi awal kami dalam mempromosikan kawasan serta barangan kami kepada pelanggan.

## TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Sebelum menubuhkan perniagaan ini, kami terlebih dahulu telah memikirkan beberapa tujuan penting penyediaan rancangan ini. Di antara tujuan kami menyediakan *Rancangan Perniagaan* ini adalah :

- Bagi mendapatkan pinjaman kewangan dari bank sebagai sebahagian modal untuk memulakan perniagaan ini iaitu sebanyak *RM 200,000*.
- Menilai sama ada industri sarung tangan berdaya maju untuk meningkat di pasaran atau pun tidak.
- Menceburi bidang pembuatan sarung tangan bagi memenuhi keperluan serta permintaan pelanggan.
- Menambah bilangan bumiputera yang menyertai bidang keusahawanan yang berteknologi tinggi sebagai memberi persaingan terhadap kaum-kaum lain dalam mewujudkan usahawan bumiputera yang berjaya selaras dengan seruan *Wawasan 2020*.
- Membantu kaum bumiputera lain agar bersedia dengan idea-idea lain yang lebih konstruktif dan praktikal bagi menghadapi pesaing-pesaing serta realiti dunia perniagaan semasa dan jangan hanya menumpukan kepada perniagaan yang biasa diceburi.
- Perancangan yang sistematik dan teliti dalam *Rancangan Perniagaan* akan memudahkan lagi perjalanan projek dalam menghadapi masalah-masalah yang bakal timbul.
- Sebagai panduan kepada pihak pembekal dan pemborong dalam menentukan keseluruhan perancangan dan pengurusan serta kestabilan tunai dan aset kami. Ini menunjukkan bahawa pembekal dan pemborong merupakan elemen penting dalam menjayakan matlamat kami, kesediaan mereka berurusan dengan kami merupakan nadi penggerak kepada kemajuan bagi *MEDITEX GLOVE*.
- Untuk dijadikan panduan kepada institusi kewangan termasuk belanja kewangan yang bakal diperolehi.
- Melihat penyata kewangan yang terlibat serta pulangan yang bakal diperolehi.

**LATAR BELAKANG PERKONGSIAN**

<b>Nama Perniagaan</b>	:	<b><i>M</i>EDITEX GLOVE .</b>
<b>Bentuk Perniagaan</b>	:	<b>Perkongsian</b>
<b>Alamat Perniagaan</b>	:	<b>87, Lorong Perak 4, Mergong, Alor Setar, Kedah Darul Aman.</b>
<b>Alamat Surat Menyurat</b>	:	<b>Seperti di atas</b>
<b>No. Telefon</b>	:	<b>04 - 7320724</b>
<b>Aktiviti Utama</b>	:	<b>Membuat, Membekal dan Memasar Sarung Tangan</b>
<b>Tarikh Mula Perniagaan</b>	:	<b>1 Januari, 2000</b>
<b>Tarikh Pendaftaran</b>	:	<b>1 Disember 1999</b>
<b>Modal Permulaan</b>	:	<b>RM 640,000</b>
<b>Nama Bank</b>	:	<b>Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB)</b>
<b>Jenis Akaun Perniagaan</b>	:	<b>Akaun semasa</b>